

King Sing, MOTAC diberi amaran keras

Semua pihak diingat lebih peka, tidak ambil mudah garis panduan kerajaan

Sepang: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan dasar kerajaan adalah jelas tidak membenarkan minuman keras dihidang sama sekali dalam acara rasmi kerajaan.

Perdana Menteri mengingatkan semua pihak dalam institusi kerajaan, termasuk menteri harus lebih peka serta sensitif terhadap peraturan itu.

Beliau berkata penjelasan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bahawa minuman keras hanya dihidangkan selepas selesai acara rasmi pada majlis makan malamnya adalah tidak wajar kerana dasar kerajaan secara tegas tidak mem-

benarkan minuman keras dihidangkan sama sekali.

Katanya seluruh jentera kerajaan telah diingatkan berkenaan perkara itu dan perlu memastikan kesilapan yang sama seperti berlaku pada majlis makan malam itu tidak berulang.

"Saya peringatkan Jemaah Menteri dan seluruh jentera kerajaan supaya tidak cuai dalam masalah ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *BERNAMA* dan *RTM* di Kompleks Bunga Raya di sini selepas menghantar pulang Perdana Menteri Pakistan, Muhammad Shehbaz Sharif yang selesai mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut memberi amaran keras kepada Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing serta kementerian berkenaan agar memastikan kesilapan menghidangkan arak di acara rasmi kerajaan tidak berulang.

"Penjelasan MOTAC ialah ini setelah selesai acara rasmi, tapi tempat dan majlis yang sama.

"Kami telah berikan peringatan keras kepada menteri dan kementerian supaya tidak mengulangi kesilapan ini walaupun penjelasan itu adalah bahawa program berakhir, tetapi tidak wajar sama sekali," katanya.

Sebelum ini, tular gambar memaparkan minuman keras dihidangkan pada majlis makan malam sempena program Global Travel Meet yang dihadiri King Sing.

Beberapa gambar menunjukkan menteri berkenaan serta tetamu lain memegang gelas berisi wain dan bir, lapor *BERNAMA*.

Jamin tidak berulang

Sementara itu, MOTAC dalam kenyataan berkata pihaknya mengambil iktibar daripada kejadian itu dan memberi jaminan ia tidak akan berulang.

MOTAC berkata pihaknya akan memastikan setiap pelaksanaan program di bawah seliaannya mematuhi garis panduan serta etika yang ditetapkan.

"MOTAC menerima teguran Perdana Menteri berhubung pengumuman majlis makan malam



Anwar bersama Muhammad Shehbaz di Kompleks Bunga Raya, KLIA, Sepang, semalam.
(Foto BERNAMA)

yang tular baru-baru ini.

"MOTAC dengan penuh rasa tanggungjawab dan takzim amat menyesali sebarang kekeliruan atau salah faham yang telah menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan rakyat.

"Kementerian mengambil iktibar daripada perkara ini dan akan memastikan supaya perkara seumpama ini tidak akan berulang.

"MOTAC juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri atas nasihat, teguran membina serta sokongan berterusan terhadap usaha kementerian dalam memperkasa industri pelancongan, seni dan budaya negara.

"Segala kesulitan yang timbul amat dikesali. MOTAC akan terus memperkukuh komunikasi serta memastikan penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan tanggungjawab kepada rakyat dan negara," katanya.